




D. ZAMRI SHAH MASTOR
Angkasa Negara (Angkasa)

BUMI BERGELAP

15 – 29 NOVEMBER 2015

“HAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, JIKA DATANG KEPADAMU ORANG FASIK MEMBAWA SUATU BERITA, MAKA PERIKSALAH DENGAN TELITI, AGAR KAMU TIDAK MENIMPAKAN SUATU MUSIBAH KEPADA SUATU KAUM TANPA MENGETAHUI KEADAANNYA YANG MENYEBABKAN KAMU MENYESAL ATAS PERBUATANMU ITU.”
(AL-HUJURAT:6)



...bila langit
...dan apa-
...ng-bintang
...ertaburan.
...ila lautan
...ercampur-
...Dan, apa-
...bur-kubur
...ibongkar.”
...ithar;1-4)

Komuniti media sosial gempar lagi dengan berita yang mengatakan bahawa bumi akan bergelap selama 15 hari mulai 15 November hingga 29 November 2015.

Menurut laman web *NewsWatch33.com*, pihak NASA telah mengesahkan bahawa bumi akan bergelap selama 15 hari dari 15 hingga 29 November 2015. Keadaan itu berlaku kerana planet Musytari (Jupiter) dan planet Zuhrah (Venus) akan kelihatan sangat hampir atau hampir selari (*close parallelism*) iaitu terpisah hanya sejauh satu darjah (1°) sahaja di langit.

Ketika menghampiri planet Musytari, planet Zuhrah dikatakan akan bersinar sepuluh kali lebih cerah daripada planet Musytari. Dan, cahaya dari planet Zuhrah tersebut akan bertindak balas, memancarkan gas-gas di planet

Musytari. Gas-gas hidrogen terhasil dengan banyaknya ke angkasa lepas hasil tindak balas tersebut dan akhirnya sampai ke permukaan matahari lalu menyebabkan letupan besar di permukaan matahari.

Suhu matahari dikatakan akan meningkat sehingga 9,000 darjah Kelvin atau 8,700 darjah Celsius. Kemudian haba akan keluar daripada pusatnya menyebabkan ia menyeduk sedikit lalu menjadikannya berwarna kebiruan dan akan mengambil masa selama 14 hari untuk kembali kepada keadaan biasa atau normal.

Kejadian tersebut didakwa akan menyebabkan bumi terus bergelap mulai Ahad, 15 November 2015 pukul 3.00 pagi hingga Isnin 30 November 2015 pukul 4.15 petang. Peristiwa tersebut yang juga dikenali sebagai

‘November Black Out’ dikatakan hanya berlaku sekali dalam tempoh satu juta tahun.

Berita tersebut adalah suatu laporan palsu yang telah disebar luaskan di Internet, tanpa diketahui apa motifnya. Peristiwa yang sebenarnya berlaku adalah merupakan peristiwa *Jupiter-Venus conjunction* atau planet Musytari kelihatan berada sangat hampir dengan planet Zuhrah di langit. Kedua-dua planet itu terpisah hanya sejauh satu darjah sahaja – kelihatan seolah-olah berada sangat dekat. Peristiwa ini pernah berlaku pada 30 Jun 2015 dan berlaku sekali lagi pada 26 Oktober 2015 lalu.

Sebenarnya ketika peristiwa *conjunction* ini berlaku pada 30 Jun 2015 yang lalu, planet Zuhrah pada ketika itu berada pada jarak 77 juta kilometer

dari bumi manakala planet Musytari pula pada jarak 909 juta kilometer dari bumi.

Perbezaan jarak antara kedua-dua planet tersebut tidak memungkinkan sebarang proses seperti yang didakwa akan berlaku dan begitulah juga semasa peristiwa *conjunction* pada 26 Oktober 2015.

Bagaimana tarikh 15 November 2015 dipilih, masih tidak diketahui asal-usul dan motifnya! Apakah sikap kita sebagai seorang Muslim apabila mendengar berita seumpama itu?

Adalah sebaiknya berita seumpama itu diselidiki terlebih dahulu tentang kebenaran dan kesahihannya sebelum kita memanjangkan atau menyebarkan kepada pihak lain. Rujukan kepada mereka yang lebih arif dalam hal berkenaan akan memberi-

kan kita suatu panduan dan pedoman sebelum membuat tindakan selanjutnya.

Rujukan kepada badan atau pihak berkuasa dalam bidang ini akan memastikan bahawa kita akan mendapat sumber yang sahih dan berwibawa. Janganlah membiarkan diri dalam keadaan separa yakin atau mungkin juga terlalu yakin tetapi akhirnya didapati berita tersebut tidak tepat atau tidak benar sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah di dalam al-Quran, Surah al-Hujurat ayat keenam:

Maksudnya *“Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.”* (A)

Astronomy - General
Pg=52-53

ETR 0000 274 713